

Permohonan kebenaran komital difailkan Najib didengar 19 ogos

BERITA HARIAN 3 JUN 2025

Mk-16

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi menetapkan 19 Ogos ini untuk mendengar permohonan Datuk Seri Najib Razak mendapatkan kebenaran bagi memulakan prosiding menghina mahkamah (komital) terhadap bekas Peguam Negara, Tan Sri Ahmad Terrirudin Mohd Salleh.

Permohonan kebenaran komital difailkan bekas Perdana Menteri itu berhubung tindakan Terrirudin yang kini Hakim Mahkamah Persekutuan, dalam permohonan semakan kehakiman membabitkan Titah Adendum.

Hakim Mahkamah Tinggi, K Muniandy menetapkan tarikh itu pada prosiding pengurusan kes semalam yang turut dihadiri peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdulah mewakili Najib dan Peguam Kanan Persekutuan, Shamsul Bolhassan.

Terdahulu, Muniandy memutuskan beliau akan meneruskan untuk mendengar permohonan kebenaran itu kerana ia bukan sebahagian daripada perintah

Mahkamah Tinggi sebelum ini yang mengarahkan semua pendengaran membabitkan semakan kehakiman Titah Adendum ditangguhkan.

Penangguhan berkenaan bagi membolehkan rayuan Peguam Negara didengar dan diputuskan Mahkamah Persekutuan terlebih dulu.

Muniandy dalam keputusannya, berkata mahkamah terikat dengan perintah penangguhan (yang diputuskan sebelum ini), namun perintah itu tidak termasuk permohonan kebenaran komital yang difailkan Najib.

Perintah penangguhan berkenaan dikeluarkan Mahkamah Tinggi pada 28 April lalu, manakala

Najib memfailkan permohonan kebenaran bagi perintah komital pada 21 Mei lalu.

Shamsul dalam hujahnya berkata, prosiding permohonan komital tidak sepatutnya didengar kerana perintah penangguhan terpakai untuk semua permohonan berkaitan.



Najib diiringi pegawai penjara ketika hadir ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

Bagaimanapun, Muhammad Shafee berhujah sebaliknya, dengan menyatakan prosiding komital adalah jelas berasingan, bermakna perintah penangguhan itu hanya terpakai kepada permohonan sebelum ini yang masih belum selesai di mahkamah.

Beliau berkata, hakim menyatakan jelas dengan merujuk kepada semua prosiding di hadapan mahkamah, sedangkan permohonan kebenaran komital belum pernah dikemukakan di hadapan mahkamah.

Menurut kenyataan firma guaman Tetuan Shafee & Co, permohonan kebenaran komital difailkan pada 21 Mei lalu dan asas permohonan ialah salinan Titah Adendum bertarikh 29 Januari tahun lalu yang dikeluarkan Yang di-Pertuan Agong ke-16 sudah diserahkan kepada

anak Najib, Datuk Mohamad Nizar yang diperoleh daripada Pejabat Sultan Pahang.

ia berkata, tambahan pula, melalui sepucuk surat bertarikh 4 Januari lalu, Majlis Kesultanan Pahang secara rasmi mengesahkan ketulenan dan kesahihan Titah Adendum terbabit.

Kandungan dokumen itu bukan saja mengesahkan kewujudan Titah Adendum dan titah diraja mengenai penahanan rumah, malah turut mendedahkan titah itu secara langsung ditujukan kepada Ahmad Terrirudin dalam kapasitinya sebagai Peguam Negara ketika itu untuk melaksanakannya.

Menurut kenyataan itu lagi, ia menunjukkan beliau mempunyai pengetahuan secara langsung mengenai kewujudan dan kandungan Titah

Adendum berkenaan.

Firma berkenaan berkata, walaupun mempunyai pengetahuan itu, Najib mendakwa bekas Peguam Negara mengarahkan pegawainya mengelirukan Mahkamah Tinggi yang mendengar permohonan untuk memulakan semakan kehakiman.

Katanya, Najib berpendapat sebagai seorang penjawat awam, bekas Peguam Negara mempunyai kewajipan untuk berterus-terang kepada mahkamah.

Pada 28 April lalu, Peguam Negara berjaya mendapat kebenaran daripada Mahkamah Persekutuan untuk merayu terhadap kes semakan kehakiman Najib yang memohon suatu perintah memaksa kerajaan atau enam pihak lain menjawab dan mengesahkan kewujudan Titah Adendum.